

Produk, khidmat halal Malaysia-AS boleh dikembangkan

Um - 12/4/2007

MIAMI (AS) 11 April - Produk dan perkhidmatan halal merupakan antara skop pengembangan yang perlu dilihat oleh Malaysia dan Amerika Syarikat (AS) selain mengekalkan sektor perdagangan penting sedia ada seperti elektrik dan elektronik, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz (gambar), hari ini.

Beliau berkata, Malaysia khususnya mempunyai kelebihan ketara dalam bekalan produk dan perkhidmatan halal yang menyediakan bukan sahaja kepada pengguna di kalangan komuniti Islam global tetapi juga kepada bukan Islam.

"Orang bukan Islam bersedia menerima produk dan perkhidmatan halal yang memenuhi piawaian kualiti global, integriti produk dan perkhidmatan dan mematuhi syarat-syarat pasaran seperti yang berkaitan dengan penjagaan terhadap alam sekitar dan piawaian keselamatan," kata Rafidah pada seminar mengenai "Peluang Perniagaan di Malaysia" di sini.

Rafidah mengetuai rombongan perdagangan dan pelaburan selama sembilan hari ke AS bermula 8 April. Miami, Florida, merupakan singgahan pertama diikuti Minneapolis di Minnesota dan San Jose di California.

Beliau yang memberi ucapan kepada ahli perniagaan Malaysia dan juga AS serta wakil daripada majlis perdagangan berkata, piawaian dan logo halal Malaysia mencerminkan keperluan undang-undang Syariah dan peraturan berkaitan dengan produk dan perkhidmatan halal.



Ia juga mencerminkan keperluan pasaran seperti persijilan piawaian, Amalan Pembuatan Baik dan Amalan Kebersihan Baik, Analisis Bahaya dan Kawalan Kritikal (HACCP), katanya.

"AS menjadi sumber pelaburan asing utama dalam sektor pembuatan Malaysia dan berada dalam rangkaian meluas industri dengan tumpuan kepada bahagian seperti elektrik dan elektronik, kimia, produk petroleum, kelengkapan pengangkutan, makanan dan minuman, mesin dan plastik," katanya.

Tahun lepas, Malaysia meluluskan pelaburan berjumlah AS\$12.5 bilion dalam sektor pembuatan melibatkan 1,077 projek.

Pelaburan asing bernilai AS\$5.5 bilion dalam 571 projek, menyumbang 44 peratus daripada jumlah pelaburan yang dilulus.

Pelaburan dilulus dari AS bernilai AS\$674 juta dalam 38 projek, atau 12.2 peratus daripada jumlah pelaburan dilulus.

Rafidah berkata, Kaji Selidik Tahunan Persatuan Industri elektronik Malaysia-Amerika 2006 melaporkan bahawa anggota mereka sentiasa yakin dengan Malaysia dan merancang terus melabur di negara ini.

Rafidah juga berkata, semakin ramai pelabur asing menggunakan Malaysia sebagai pangkalan bagi operasi berasaskan perkhidmatan yang termasuk entiti serantau seperti ibu pejabat operasi, pusat pemerolehan antarabangsa, pusat pengedaran serantau, pejabat serantau dan pejabat wakil.